



SIARAN MEDIA

PERUNDANGAN DAN POLISI PERANCANGAN BANDAR DIPERKUKUH MELALUI KERJASAMA PAKAR TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 9 Februari 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan bersama delegasi Pengurusan Tertinggi Kementerian telah mengadakan satu lawatan kerja ke Desa ParkCity, Kuala Lumpur bagi perkongsian mengenai amalan terbaik perancangan pembangunan bandar.

YB KM berkata, **“Pengurusan dan perancangan bandar yang berdaya huni perlu dilengkapi dengan penyediaan infrastruktur dan fasiliti yang holistik dengan mementingkan aspek kemudahsampaian (*accessibility*), kesalinghubungan (*connectivity*), keselesaan dan kesejahteraan rakyat.”**

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) komited untuk terus **memperkuhkan perundangan dan polisi perancangan bandar** dengan memberi fokus terhadap enam (6) kriteria pembangunan:

- i. *Connectivity Neighborhood;*
- ii. *Sustainable Township Planning;*
- iii. *Multi Sizes Open Space;*
- iv. *Visual Permeability as Passive Security;*
- v. *Adaptation of Renewable Energy; and*
- vi. *Sustainable Community*

YB Menteri KPKT turut menekankan tentang keperluan **penggembelingan tenaga dan usahasama yang berterusan dengan pelbagai pihak termasuk pakar tempatan** bagi memantapkan lagi kualiti perancangan pembangunan bandar. Ia turut menjadi platform perkongsian pengalaman serta perbincangan dasar-dasar

perancangan pembangunan negara. Di samping itu, ia juga diharap dapat memperkukuhkan hubungan kerjasama strategik dan sebagai asas dalam penyediaan Panduan Pelaksanaan Perundangan, Dasar, Polisi dan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Bandar.

Tambah beliau, "Selain daripada perkongsian kepakaran perumahan luar negara seperti Housing & Development Board (HDB), KPKT juga bersedia menerima pandangan dan perkongsian ilmu daripada pakar-pakar perumahan dalam negara seperti Desa ParkCity yang telah memenangi lebih 30 anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Justeru, KPKT sentiasa bersedia mencari ruang dan peluang dengan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang dari dalam dan luar negara demi manfaat kepada rakyat."

Pengukuhan perundangan dan polisi perancangan bandar adalah **seiring dengan peranan KPKT melalui tujuh (7) agenda utama** yang perlu digerakkan secara berkesan. YB Menteri KPKT juga akan memastikan lebih banyak sesi libat urus dilaksanakan melibatkan pelbagai pihak bagi mendukung hasrat KPKT dalam membuat perancangan secara lebih menyeluruh, berfokus dan memberi manfaat kepada rakyat.

KPKT akan terus proaktif dan responsif terhadap keperluan serta kebajikan rakyat. Para pemaju juga perlu memainkan peranan dalam membangunkan perbandaran yang mesra komuniti khususnya bagi penyediaan perumahan mampu milik di lokasi yang strategik.

*#PasukanKPKT
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi*

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

